

**SULIT**  
3755/1  
Perdagangan  
Kertas 1  
November 2011  
1 jam 15 minit



**JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2011  
TINGKATAN 4**

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 1

**1 jam 15 minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

- 1 Manusia perlu memenuhi keperluan asas yang dikenali juga sebagai keperluan
- A utama  
B fisiologi  
C kemesraan  
D keselamatan
- 2 Gambar 1 berkaitan Encik Najman.



GAMBAR 1

Apakah Hierarki Keperluan Maslow yang telah dicapai oleh Encik Najman?

- A Keperluan asas  
B Keperluan sosial  
C Keperluan rohani  
D keperluan fisiologi

- Berubah-ubah mengikut cita rasa, umur dan kemampuan.
- Tidak dapat dipuaskan sepenuhnya.
- Tidak terbatas selepas satu

3 Pernyataan di atas merujuk kepada;

- A Keperluan manusia  
B Kehendak manusia  
C Keinginan manusia  
D Kesukaan manusia

4 Syarikat Beras Fazidah menghantar bekalan beras dari Kedah ke Pahang.

Syarikat Beras Fazidah dikatakan telah mencipta nilai faedah

- |          |           |
|----------|-----------|
| A masa   | C tempat  |
| B bentuk | D milikan |

5 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran.

Meliputi semua perkhidmatan peribadi yang diberi secara langsung kepada pengguna.  
Contoh: perkhidmatan pendidikan, perubatan dan hiburan

**SULIT**

Maklumat tersebut menerangkan maksud

- A perusahaan
- B perdagangan
- C bantuan perniagaan
- D perkhidmatan langsung

6 Apakah faktor wujudnya pengkhususan?

- I Amalan pembahagian kerja
  - II Kemahiran dan kebolehan manusia yang sama
  - III Untuk menghasilkan barang yang lebih bermutu
  - IV Keperluan dan kehendak manusia semakin bertambah
- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

7 Pernyataan berikut berkaitan dengan jenis pengkhususan dalam pengeluaran.

Malaysia : Kelapa sawit
Jepun : Televisyen

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Pengkhususan mengikut profesion
- B Pengkhususan mengikut proses
- C Pengkhususan mengikut kawasan
- D Pengkhususan antarabangsa

8 Apakah syarat yang perlu dipenuhi dalam sistem barter?

- I Kemahuan yang serentak
  - II Wang yang berlebihan
  - III Memerlukan gudang
  - IV Barang yang berlebihan
- |          |          |          |            |
|----------|----------|----------|------------|
| <b>A</b> | I dan II | <b>C</b> | II dan III |
| <b>B</b> | I dan IV | <b>D</b> | III dan IV |

9 Singapura mengimport barang-barang dari Malaysia untuk diproses dan dieksport semula. Aktiviti ini merujuk kepada:

- |          |                    |          |                        |
|----------|--------------------|----------|------------------------|
| <b>A</b> | perniagaan import  | <b>C</b> | perniagaan entrepot    |
| <b>B</b> | perniagaan eksport | <b>D</b> | perniagaan bebas cukai |

10 Antara berikut, perkhidmatan bank yang manakah merupakan kemudahan pembayaran dan penerimaan wang?


- |          |                |          |                 |
|----------|----------------|----------|-----------------|
| I        | Overdraf       | III      | Arahan tetap    |
| II       | Simpanan Tetap | IV       | Pindahan kredit |
| <b>A</b> | I dan II       | <b>C</b> | II dan III      |
| <b>B</b> | I dan IV       | <b>D</b> | III dan IV      |

- 11 Mengapakah perkhidmatan insurans penting kepada peniaga?
- A Dapat mengelakkan kerugian akibat kesilapan dalam pengurusan yang dilakukan
  - B Dapat mengurangkan kerugian yang dialami akibat berlakunya sesuatu risiko
  - C Dapat mengelakkan kerugian yang mungkin timbul kerana menjalankan perniagaan yang berisiko tinggi
  - D Boleh memperolehi keuntungan jika sesuatu risiko yang diinsuranskan berlaku
- 12 Berikut merupakan perkhidmatan yang disediakan untuk melancarkan kegiatan perniagaan.

- Meluaskan pasaran
- Meningkatkan dan mengekalkan permintaan

Apakah bantuan tersebut?

- |            |               |
|------------|---------------|
| A Promosi  | C Komunikasi  |
| B Insurans | D Pergudangan |
- 13 Gambar 2 menunjukkan bantuan perniagaan yang digunakan oleh Puan Nur Nafisah.



GAMBAR 2

Apakah fungsi bantuan perniagaan di atas kepada Puan Nur Nafisah?

- I      Menyampaikan maklumat
  - II     Memudahkan aktiviti perniagaan
  - III    Menstabilkan harga barang di pasaran
  - IV    Mengurangkan kos penyimpanan barang
- |          |          |          |            |
|----------|----------|----------|------------|
| <b>A</b> | I dan II | <b>C</b> | II dan III |
| <b>B</b> | I dan IV | <b>D</b> | III dan IV |

14 Berikut berkaitan Encik Zairi

Pengeluar melantik Encik Zairi untuk menjual barang keluarannya terus kepada pengguna

Dalam saluran agihan tersebut, Encik Zairi ialah

- |          |        |          |           |
|----------|--------|----------|-----------|
| <b>A</b> | ejen   | <b>C</b> | peruncit  |
| <b>B</b> | broker | <b>D</b> | pemborong |

15 Antara yang berikut yang manakah menerangkan maksud peruncit dengan tepat?

- A** Urusniaga menjual barang kepada pengguna dalam kuantiti yang kecil.
- B** Orang tengah diantara pengeluar dan pemborong
- C** Urusniaga membeli barang secara pukal daripada pemborong
- D** Urusniaga menjual barang kepada pemborong dalam kuantiti yang dikehendaki

16 Berikut berkaitan ciri-ciri sejenis perniagaan:

- Banyak cawangan
- Kawalan pentadbiran oleh ibu pejabat

Maklumat di atas berkaitan dengan

- A** Pasar Raya
- B** Koperasi Runcit
- C** Kedai Sejaras
- D** Gedung Aneka Jabatan

17 Gambar 3 menunjukkan sejenis keluaran.



GAMBAR 3

Apakah bentuk saluran agihan di atas?

- A** Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- B** Pengeluar → Pemborong → Pengguna
- C** Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- D** Pengeluar → Pengguna

- 18 Gambar 4 menunjukkan dua kaedah jualan bagi sebuah komputer.



GAMBAR 4

Apakah kelebihan Cik Shakila membeli komputer itu secara kredit ?

- A Mengelak berbelanja lebih
- B Harga komputer lebih murah
- C Dapat menggunakan barang walaupun harga belum dijelaskan
- D Barang tidak akan dirampas jika beliau gagal membayar ansuran bulanan

**Soalan 19, 20 dan 21** berdasarkan rajah di bawah.

PEMBEKAL BUKU BIJAKSANA																	
1, Jalan Bendahara, Bandar Seri Alam, 81750 Johor Darul Takzim Telefon: 07-3862777																	
Tuan pengurus, Kedai Buku Cahaya, 10, Jalan Seri Indah, Taman Seri Indah, 68000, Melaka.	10 Mac 200 No. invoice: 009																
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Butir</th> <th>Kuantiti</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Siri Bijak Baca</td> <td>100</td> <td>250</td> </tr> <tr> <td>Siri Bacaan Adik</td> <td>75</td> <td>225</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Tolak diskaun niaga 20%</td> <td>X</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Jumlah bersih</td> <td>Y</td> </tr> </tbody> </table>		Butir	Kuantiti	Jumlah (RM)	Siri Bijak Baca	100	250	Siri Bacaan Adik	75	225		Tolak diskaun niaga 20%	X		Jumlah bersih	Y	
Butir	Kuantiti	Jumlah (RM)															
Siri Bijak Baca	100	250															
Siri Bacaan Adik	75	225															
	Tolak diskaun niaga 20%	X															
	Jumlah bersih	Y															
Serahan: Angkutan dibayar. Syarat: 5%, 10 hari 3%, 30 hari																	
Yang benar, <b>Nadia Shakral</b> Pengurus Kanan																	

19 Apakah kegunaan dokumen perniagaan di atas?

- A Meminta bayaran secara sopan
- B Membetulkan kesilapan dalam urus niaga
- C Memberitahu barang pesanan sudah dihantar
- D Memberitahu jumlah hutang yang perlu dibayar

20 Hitungkan nilai X.

- |         |         |
|---------|---------|
| A RM95  | C RM475 |
| B RM380 | D RM570 |

21 Berapakah jumlah bayaran bersih yang perlu dibayar oleh Kedai Buku Cahaya jika membuat bayaran pada 18 Mac 200\_?

- |         |         |
|---------|---------|
| A RM95  | C RM380 |
| B RM361 | D RM475 |

22 Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan import tak nyata bagi Malaysia?

- A Beli alat ganti komputer dari Britain
- B Jurubahasa Melayu yang dihantar ke Jepun
- C Sekumpulan pelancong Taiwan yang melawat Malaysia
- D Sekumpulan pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di India

23 Apakah situasi yang membolehkan tukaran wang asing yang dibawa masuk akan meningkat?

- |                     |                           |
|---------------------|---------------------------|
| A Import meningkat  | C Eksport melebihi import |
| B Eksport meningkat | D Import melebihi eksport |


24 Berikut berkaitan prosedur eksport.

- Pakar dalam bidang eksport
- Menguruskan tempahan kapal, dokumentasi, bayaran dan sebagainya

Maklumat di atas merujuk

- |                 |                    |
|-----------------|--------------------|
| A ejen komisen  | C broker eksport   |
| B wakil eksport | D saudagar eksport |

25 Rajah di bawah menunjukkan hubungan perdagangan antara Malaysia dengan Jepun.



Apakah kepentingan perniagaan di atas kepada Malaysia?

- I Menambahkan pendapatan negara
- II Mengurangkan imbangan dagangan
- III Menjamin barang yang lebih murah dan bermutu
- IV Memupuk persefahaman dan kerjasama antarabangsa

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

26 Berikut adalah dokumen perniagaan antarabangsa.

- Bil udara
- Bil muatan
- Nota perkapalan

Maklumat tersebut berkaitan

A dokumen kastam

B dokumen hak milik

C dokumen pembayaran

D dokumen pengangkutan

27 Berapakah jumlah pekerja sepenuh masa IKS?

A Lebih 100 orang

C Melebihi 150 orang

B Kurang 100 orang

D Tidak melebihi 150 orang

28 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan IKS.

- Melibatkan Skim Subkontrak atau Program Pembangunan Vendor.
- Pengusaha IKS akan diberi bimbingan dan bantuan teknologi untuk menghasilkan keluaran mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Kegiatan diatas merujuk kepada...

- A** Program Pembangunan dan Peningkatan Kemahiran
- B** Program Pembangunan Infrastruktur
- C** Program Penyelidikan dan Pembangunan
- D** Program Rantaian Industri (ILP)

29 Apakah sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada masyarakat?

- I Latihan untuk pekerja
  - II Mengurangkan import barang
  - III Mengurangkan jurang pendapatan
  - IV Menyediakan peluang menceburi bidang perusahaan
- |                   |                     |
|-------------------|---------------------|
| <b>A</b> I dan II | <b>C</b> II dan III |
| <b>B</b> I dan IV | <b>D</b> III dan IV |

30 Berikut adalah faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memulakan sebuah perniagaan KECUALI

- |                |                            |
|----------------|----------------------------|
| <b>A</b> Modal | <b>C</b> Persaingan        |
| <b>B</b> Minat | <b>D</b> Jenis Pengeluaran |

31 Maklumat berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

- Bilangan pemilik syer dihadkan antara 2 hingga 50 orang.
- Syer tidak dijual kepada orang awam.
- Liabiliti terhad

Apakah jenis pemilikan perniagaan yang menepati ciri-ciri maklumat tersebut?

- A Perkongsian
- B Milikan tunggal
- C Syarikat awam berhad
- D Syarikat sendirian berhad
- 32 Apakah yang dimaksudkan dengan liabiliti terhad?
- A Kuasa pemegang syer adalah terhad
- B Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas kerugian syarikat
- C Kerugian pemegang syer terhad setakat modal yang dilaburkan sahaja
- D Pemegang syer bertanggungjawab menjual harta peribadi untuk menjelaskan hutang syarikat
- 33 Antara berikut yang manakah boleh mengeluarkan syer kepada orang awam?
- A Syarikat Ma Berhad
- B Syarikat Tak Tee Doo
- C Kedai Gambar Que Azman
- D Syarikat Intizar Duri Sendirian Berhad

34 Berikut berkaitan dengan stok.

Barang yang laris dijual dan perlu diganti

Apakah jenis stok yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Stok suka ramai
- B Stok harga murah
- C Stok paling popular
- D Stok bergerak pantas

35 Antara berikut, manakah formula yang betul untuk mengira untung kasar?

- A Untung Kasar = Jualan – Kos Jualan
- B Untung Kasar = Stok Awal – Stok Akhir
- C Untung Kasar = Jualan Bersih + Kos Jualan
- D Untung Kasar = Kos Jualan – Jualan Bersih

36 Antara berikut, yang manakah risiko yang tidak boleh diinsuranskan namun boleh dikawal?

- A Hutang Lapuk
- B Rompakan
- C Kemalangan
- D Gempa Bumi

37 Berikut berkaitan rakan kongsi perniagaan.

Individu yang melaburkan modal tetapi tidak mengambil bahagian secara aktif dalam pengurusan

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- |          |                    |          |                      |
|----------|--------------------|----------|----------------------|
| <b>A</b> | Rakan kongsi lelap | <b>C</b> | Rakan kongsi berhad  |
| <b>B</b> | Rakan kongsi aktif | <b>D</b> | Rakan kongsi nominal |

38 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan:

Puan Normala merupakan seorang pelabur yang lebih mengutamakan pulangan yang tinggi tetapi tidak mementingkan keselamatan apabila membuat pelaburan.

Apakah bidang pelaburan yang sesuai dengan Puan Normala?

- I Saham
- II Opsyen
- III Unit Amanah
- IV Simpanan Tetap

- |          |          |          |            |
|----------|----------|----------|------------|
| <b>A</b> | I dan II | <b>C</b> | II dan III |
| <b>B</b> | I dan IV | <b>D</b> | III dan IV |

39 Berikut merupakan maklumat tentang Encik Cheng.

- Bukan ahli Bursa Malaysia.
- Bertindak sebagai ejen yang menerima pesanan belian dan jualan daripada pelanggan.

Siapakah Encik Cheng?

- |          |          |          |               |
|----------|----------|----------|---------------|
| <b>A</b> | Broker   | <b>C</b> | Spekulator    |
| <b>B</b> | Remisier | <b>D</b> | Penelah turun |

40 Gambar 5 menunjukkan contoh bentuk pelaburan.



GAMBAR 5

Jika Encik Ratnam berminat membuat pelaburan dengan membeli harta tanah di atas, apakah faktor yang **tidak** perlu beliau pertimbangkan?

- |          |                     |          |                        |
|----------|---------------------|----------|------------------------|
| <b>A</b> | Kecairan            | <b>C</b> | Pulangan atas modal    |
| <b>B</b> | Tindakan Spekulator | <b>D</b> | Risiko dalam pelaburan |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**JAWAPAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2011 TINGKATAN 4**

1	B	21	B
2	C	22	D
3	B	23	C
4	C	24	D
5	C	25	B
6	B	26	D
7	D	27	D
8	B	28	D
9	C	29	D
10	D	30	D
11	B	31	D
12	A	32	C
13	A	33	A
14	A	34	D
15	A	35	A
16	C	36	A
17	D	37	A
18	C	38	A
19	D	39	B
20	A	40	B

**SULIT**  
3755/2  
**Perdagangan**  
**Kertas 2**  
**November 2011**  
**2 jam**



**JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2011**  
**TINGKATAN 4**

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 2

**2 jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak



**BAHAGIAN A***[75 markah]**Jawab **tiga** soalan sahaja*


1. a.Nyatakan dua perbezaan antara keperluan dan kehendak. [4markah]

- b.Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Rosli

En. Rosli adalah pemilik kilang jus mangga di Kampung Tehel, Melaka. Kilang jus mangga ini dibina di atas sebidang tanah milik keluarga. Pekerja di kilangnya seramai 50 orang. Mereka ditugaskan di bahagian ladang dan pemprosesan. Beliau telah mendapat pinjaman bank untuk membeli lapan buah mesin baru di kilangnya bagi memperbesar perniagaan.

- I. Terangkan faktor pengeluaran yang terlibat dalam pengeluaran di kilang tersebut. [8 markah]
- II. Mengapa En.Rosli mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran di kilangnya? [5 markah]

- c. Gambar Rajah 1 menunjukkan perkembangan perniagaan Encik Mazelan di kawasan Merlimau, Melaka.



- I. Nyatakan empat ciri utama Encik Mazelan yang bergelar usahawan [4 markah]
- II. Terangkan sumbangan Encik Mazelan kepada masyarakat. [4 markah]

2 a. Apakah yang dimaksudkan dengan bantuan perniagaan ? [3 markah]

Encik Bakar merupakan seorang pekebun sayur di Tanah Tinggi Cameron. Beliau mengeluarkan pelbagai hasil pertanian seperti sawi, bayam dan tomato.

b. Bagaimanakah pengangkutan dapat membantu Encik Bakar dalam perniagaannya itu? [8 markah]

c. Terangkan tiga kekurangan koperasi runcit. [6 markah]

Setiap kali menjelang hari perayaan Pn Normah dan keluarganya akan mengunjungi Pasar raya Jaya Fresco untuk membeli barang-barang keperluan mereka.

d. Senaraikan kelebihan-kelebihan kedai runcit tersebut [8 markah]

3 (a) (i) Terangkan **tiga** fungsi pemberong kepada peruncit dalam saluran agihan. [6 markah]

(ii) Apakah yang dimaksudkan Pemberong Berfungsi Penuh [3 markah]

- (b) Dokumen perniagaan berikut diterima oleh Kedai Baju Yati.

ASAL	No.1234																																	
INVOIS																																		
Pemborong Matahari Berhad 12, Jalan Melur, 77100 Air Keroh Tel:06-2685445																																		
Tarikh: 14 Sept.2011																																		
<b>Kepada:</b> Kedai Baju Yati, 2, Lorong Pulai, 77300 Merlimau Melaka.																																		
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>No.Rujukan</th> <th>Butiran</th> <th>Kuantiti</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>K 054</td> <td>Baju Dewasa</td> <td>100 pasang</td> <td>12.00</td> <td>1200.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>1200.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">Tolak: 20% diskain niaga</td> <td>240.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>JUMLAH</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>960.00</td> </tr> </tbody> </table>					No.Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah (RM)	K 054	Baju Dewasa	100 pasang	12.00	1200.00					1200.00	Tolak: 20% diskain niaga				240.00					JUMLAH					960.00
No.Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah (RM)																														
K 054	Baju Dewasa	100 pasang	12.00	1200.00																														
				1200.00																														
Tolak: 20% diskain niaga				240.00																														
				JUMLAH																														
				960.00																														
Syarat : 5% 10 hari, 3 % 30 hari Serahan :Angkutan dibayar K & K. diK																																		
<i>Yati</i> <span style="float: right;"><i>Amika</i></span> Penerima Pengurus																																		

- (i) Jelaskan **dua** kegunaan dokumen tersebut. [2 markah]
- (ii) Hitungkan jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kedai Baju Yati jika bayaran dibuat pada 21 September 2011.(Tunjukan kerja mengira) [4 markah]
- (iii) Nyatakan maksud istilah K & K.diK. [2 markah]
- (c) Terangkan kepentingan Perniagaan Antarabangsa kepada negara. [8 markah]

4. (a) (i). Maklumat berikut berkaitan Syarikat Bumiputera Maju yang mengeluarkan hasil kraftangan di kawasan Industri Serkam, Melaka.

Modal : RM 1 juta
Bilangan pekerja sepenuh masa : 100 orang
Jualan tahunan 2010 : RM 20 juta
Pasaran : Dalam negeri

Adakah Syarikat Bumiputera Maju boleh dianggap sebagai Industri Kecil dan Sederhana?  
Kemukakan lima alasan.

[6 markah]

- (ii) Terangkan kepentingan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada masyarakat.

[6 markah]

- (b) Dialog berikut antara Encik Ahmad dengan Encik Hani.

Encik Ahmad	Encik Hani, saya telah mendapat hak menjual daging ayam goreng KFC daripada pemiliknya, dari negara Amerika. Saya fikir ini cara yang terbaik untuk memulakan perniagaan.
Encik Hani	Encik Ahmad, kenapa awak memilih jenis perniagaan ini? Bolehkah awak terangkan kepada saya mengenai perniagaan ini?

- i. Kenal pasti cara memulakan perniagaan yang dimaksudkan oleh Encik Ahmad. [1 markah]
- ii. Terangkan ciri-ciri perniagaan yang dinyatakan di b(i). [ 6 markah ]


(c) Bezakan ciri-ciri Milikan Tunggal dan Perkongsian dari aspek

- i. Milikan
- ii. Modal
- iii. Pembahagian Untung Rugi

[6 markah]

5. Rajah di bawah adalah berkenaan perubahan jenis pemilikan perniagaan

Syarikat Mega Profit Sendirian Berhad.



a) Apakah perbezaan antara kedua-dua jenis milikan perniagaan di atas?

[6 markah]

- b) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Encik Wahab, seorang anggota Koperasi Sri Muda Berhad.

Encik Wahab memiliki modal syer sebanyak RM5 000. Koperasi tersebut telah mencatatkan lebihan sebanyak RM85 000. Daripada jumlah ini, sebanyak RM25 000 telah disimpan sebagai rizab dan selebihnya diagihkan sebagai dividen kepada pemegang syer. Koperasi itu telah mengisytiharkan 10% dividen atas modal. Jumlah belian anggota pada tahun ini berjumlah RM120 000.

- i. Berapakah jumlah dividen tunai yang diterima oleh Encik Wahab?  
[2 markah]
- ii. Kirakan kadar rebat yang akan diberi oleh koperasi tersebut.  
[2 markah]
- c) Kerajaan Malaysia telah mengamalkan Dasar Penswastaan sejak diperkenalkan pada tahun 1991. Contohnya :

Lembaga Letrik Negara → Tenaga Nasional Berhad

Apakah tujuan dasar tersebut diamalkan?

[4 markah]

- d) Pernyataan di bawah berkaitan dengan Cik Mazura.

Cik Mazura memenangi hadiah sebanyak RM30 000 daripada satu peraduan yang disertainya. Beliau hendak menyimpan wang tersebut di bank. Kawannya, Cik Aida mencadangkan supaya beliau melaburkan wang tersebut dalam pasaran saham kerana boleh mendapat pulangan yang banyak. Cik Mazura tertarik dengan saranan tersebut.

Apakah bentuk pulangan yang akan diperolehi oleh Cik Mazura daripada pelaburan tersebut?

[6 markah]

- e) Dialog berikut adalah diantara Encik Amir dan Encik Eddie.

Encik Amir : Hello! Encik Eddie. Dah lama kita tak berjumpa.

Sebenarnya saya datang ni sebab ada hajat. Saya nak tahu bagaimana nak melaburkan wang ganjaran pencen saya ni?

Encik Eddie : Tentu banyak wangnya tu ye. Tak ada masalah. Saya boleh tolong.

Encik Amir : Bagaimanakah caranya? Di mana harus saya laburkan wang tersebut?

Encik Eddie : Sebenarnya untuk melabur dengan bijak, ada panduan tertentu yang harus kita ketahui.

Nyatakan panduan yang dimaksudkan oleh Encik Eddie.

[5 markah]

**Bahagian B****[25 markah]***Soalan ini wajib dijawab*

Encik Ali Baba seorang pesara tentera. Pada tahun 2010 beliau telah membuka sebuah Pasar Mini di kawasan perumahan Taman Saujana Bukit Katil. Pasar Mininya dinamakan Pasar Mini Maju yang mana modal diperolehi daripada wang persaraannya sebagai tentera sebanyak RM25,000 dan pinjaman bank sebanyak RM20,000. Beliau menyewa sebuah premis untuk dijadikan pasar mini dengan kos RM1,000 sebulan dan menggajikan seorang pekerja sebagai pembantu dengan gaji bulanan sebanyak RM800 sebulan.

Encik Ali Baba sendiri menjalankan kerja-kerja membeli stok barang, menyemak stok dan menguruskan kewangan perniagaan. Kerja-kerja melayan pelangan seperti mengambil membungkus dan menimbang dilakukan oleh pekerjanya. Pekerjanya juga menghantar barang-barang ke rumah pelanggan dengan menggunakan motosikal. Stok dibeli daripada pemberong ABC dan beberapa pemberong lain di sekitar Bandar Melaka dengan cara membuat pesanan melalui telefon. Barang-barang tersebut dihantar sendiri oleh pemberong menggunakan van ataupun lori. Beliau juga telah memasang papan tanda perniagaan di hadapannya.

Selain membeli melalui pemberong Encik Ali Baba juga ada membeli stok barang niaga di Pasar Raya Besar Mak Din MITC yang terletak kira-kira 5 km dari Pasar Mininya. Pasar raya Besar Mak Din merupakan pasar raya yang terkenal dan mempunyai banyak cawangan diseluruh negara serta menjual barang pada harga yang jauh lebih rendah. Semakin hari perniagaan En Ali Baba semakin maju berkat kesungguhannya memberi perkhidmatan dan layanan yang baik kepada para pelanggan.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- 6. a)** Nyatakan jenis perniagaan yang dijalankan oleh Ali Baba?

[1 markah]

- b)** Terangkan kenapa Pasar Mini Maju boleh bertahan dan masih mendapat sambutan sedangkan terdapat persaingan daripada Pasar Raya Mak Din?

[8 markah]

- c)** Terangkan bagaimana Pasar Raya Besar Mak Din dapat menarik ramai pelanggan untuk membeli.

[8 markah]

- d)** Terangkan apakah bantuan perniagaan yang terdapat dalam kes di atas?

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Skema Pemarkahan Pep. Akhir Tahun PD tg4 2011:

1a

Keperluan	Kehendak
Sama bagi semua manusia 1M	Berbeza mengikut taraf hidup 1M
Mudah dipenuhi dan terhad 1M	Tiada had dan suka dipenuhi 1M
Untuk terus hidup 1m	Untuk hidup lebih selesa 1m
Cth: makanan, pakaian dan tempat tinggal 1m	Cth: rumah banglow, pakaian berjenama, kereta mewah 1m

Pilih mana-mana 2.

4M

**1b.i. (8M)**

Faktor pengeluaran yang terlibat:

**F1-Tanah** 1m

H1- terdiri drpd.tapak kilang / ladang mangga. 1m

**F2-Modal.** 1m

H2-termsuk wang tunai /pinjaman bank/bangunan kilang / mesin . 1m

**F3-Buruh.** 1m

H3-Tenaga kerja seramai 50 org yang bekerja di ladang dan kilang pemprosesan. 1m

**F4-Usahawan.** 1m

H4-En.Rosli, pemilik kilang jus mangga. 1m

**(8m)**

1bii.

En. Rosli mengamalkan pengkhususan kerana:/ kelebihan pengkhususan:

- 1.Menjimatkan masa dan proses pengeluaran lebih cepat. 1m  
o Meningkatkan kemahiran dan kecekapan pekerja. 1m

- 2.Membolehkan pekerja melakukan tugas yang sama atau berulang kali. 1m

o Meningkatkan kualiti @ mutu keluaran. 1m

- 3.Meningkatkan produktiviti dan pengeluaranbesar- besaran. 1m  
o Pekerja menjadi lebih produktif. 1m

- 4.Mengurangkan kos dan masa melatih pekerja. 1m  
o Membolehkan penggunaan mesin dan alatan moden. 1m

**(mak 5m)**

**1c. Ciri-ciri usahawan:**

- **kreatif** /berkebolehan menghasilkan perkhidmatan baru . 1m
- **inovatif** /mengubahsuaiakan prkhidmtan sedia ada menjadi lebih baik. 1m
- **berani menghadapi risiko** / sanggup mengeluarkan modal besar untuk membina restoran. 1m
- **Berkebolehan mengurus /menjayakan sesuatu**– dapat mengurus restoran dan pekerja secara serentak. 1m

**1d. Peranan usahawan kepada masyarakat:**

- F1-Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. 1m  
H1.En. Talib menyediakan perkhidmatan penginapan dan makanan kepada pengguna setempat dan pelancung. 1m.
- F2-Menyediakan peluang pekerjaan. 1m  
H2-Dapat mengurangkan pengangguran dengan menggaji penduduk setempat bekerja di resortnya. 1m
- F3-Meningkatkan taraf hidup. 1m  
H3-Meningkatkan pendapatan penduduk dengan kepelbagaiannya kegiatan ekonomi. 1m
- F4-Menyediakan kemudahan dan fasilitas yang lebih baik dan selesa 1m.  
H4-Penduduk setempat dapat menggunakan kemudahan infrastruktur yang ada. 1m
- F5-Menjadi model dan ikutan kepada masyarakat. 1m  
H5-Menggalakkan lebih ramai penduduk meneburi bidang keusahawanan 1m
- ( pilih mana-mana 2 fakta dan huraianya ) ( mak 4m)

**2 a..Maksud bantuan perniagaan:**

- perkhidmatan yang disediakan untuk membantu dan menyokong aktiviti dan operasi perniagaan. 1m.
  - membantu melicinkan urusan perniagaan 1m
  - perbankan,/insurans,/pengangkutan,/komunikasi,/ pengangkutan / promosi 1m
- 3m**

**b. Pengangkutan dapat:**

- Menghantar barang ke tempat yang diperlukan 1m
- Dapat meluaskan pasaran dalam ataupun luar negeri 1m
- Perniagaan dapat berkembang dengan pantas 1m
- Bekalan secara berterusan diperoleh dari para pekebun 1m

- Membekalkan sayuran kepada peruncit pada bila2 masa 1m
  - Harga barang dapat distabilkan 1m
  - Mengelak pembaziran dan kerugian 1m
  - Sayuran dapat dipasarkan segera/ tak tahan lama 1m
  - Mengurangkan kos pergudangan 1m
- Mak      8 markah**

c. Kekurangan koperasi runcit.

- Sukar ditubuhkan 1m  
Terikat akta dan undang-undang untuk jamin kebajikan anggota / elak penyelewengan 1m
  - Milikan dan pengurusan terpisah 1m  
Ahli kopersi biasanya tidak aktif / dijalankan oleh kakitangan bukan ahli yang dibayar 1m
  - Pentadbiran kurang mahir 1m  
Dasar koperasi digubal oleh ALP yg terdiri dari ahli koperasi yang tidak berpengalaman 1m
  - Kadar pulangan rendah 1m  
Pernidaan tidak mengutamakan keuntungan 1m
  - Perlu mengadakan mesyuarat setiap tahun. 1m  
Untuk memilih Lembaga Pengarah 1m
- (Mana-mama 3 x 2m )      **Mak      6m**

d. Kelebihan Pasar Raya:

- Kepada Pelanggan:
    - i. Menyenangkan kerana dapat membeli di bawah satu bumbung. 1m
    - ii. Selesa kerana pelbagai kemudahan disediakan 1m
    - iii. Harga tetap/ pelanggan tidak ditipu 1m
    - iv. Boleh membuat pilihan dan bandingkan harga dengan bebas. 1m
  - Kepada Peniaga:
    - i. Membeli stok secara pukal / mendapat diskaun yang besar 1m
    - ii. Pentadbiran layan diri dapat menjimatkan kos 1m
    - iii. Mengamalkan pengkhususan dalam pentadbiran/ faedahnya 1m
    - iv. Mampu biayai kos promosi utk menambah jualan 1m
    - v. Tidak menanggung hutang lapuk kerana jualan tunai 1m
- Mak      8m**

Soalan	Butiran	Markah
3(B)(i)	H1 sebagai bukti urus niaga kredit/hutang	1
	H2 bukti penerimaan barang/dihantar sebaik barang diserah	1
	H3 sebagai rujukan lengkap barang dibeli/jual/catatan urus niaga	1
	H4 maklumat tentang jumlah hutang yang perlu dijelaskan	1
		2 x1m [2m]

(ii)	<p>Diskaun tunai = <math>RM960 \times 5/100</math>  <math>= RM\ 48</math></p> <p>Jumlah perlu bayar = <math>RM960 - RM48</math>  <math>= RM912</math></p> <p><u>ATAU</u></p> $960 \times 95/100 = 912$	1 1 1 1 [4m]
(iii)	<p>F1 kesilapan dan ketinggalan dikecualikan</p> <p>F2 memberi hak kepada penjual untuk membetulkan kesilapan dan ketinggalan di dalam invois</p>	(3m) 1 1 Maks [2m]

Soalan	Butiran	Markah
(c)	F1 Menambahkan pendapatan negara H1 Melalui kutipan duti import dan eksport	1 1
	F2 Meningkatkan imbalan pembayaran negara H2 Penerimaan kewangan/aliran masuk modal	1 1
	F3 Mengurangkan pengangguran H3 Banyak peluang pekerjaan diwujudkan	1 1
	F4 Mendapatkan pertukaran asing H4 negara dapat gunakan untuk membiayai import.	1 1
	F5 Mengatasi kekurangan bahan mentah/kepakaran H5 seperti gandum/doktor/jurutera boleh diatasi dan contoh yang Sesuai.	1 1
	F6 Memupuk persefahaman/kerjasama antarabangsa/Hubungan diplomatik H6 Nilai sosial,politik dan budaya dapat disebarkan.	1 1
	Mana-mana 4x2	
	Maks [8m]	

Soalan	Butiran	Markah
4.(a)(i)	<p>Ya.</p> <p>Alasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Modal RM 1 Juta: Dana pemegang syer antara RM50 000 hingga RM2.5 juta.</li> <li>b. Bil.pekerja sepenuh masa 100 orang: tidak melebihi 150 orang</li> <li>c. Jualan tahunan RM20 juta: Jualan tahunan tidak melebihi RM 25 juta</li> <li>d. Dari segi pasaran: memasarkan keluaran dalam negeri</li> <li>e. Keluaran: Mengeluarkan hasil kraftangan</li> <li>f. Teknologi mudah</li> </ul> <p># Jika jawapan tidak, alasan betul diterima.</p> <p style="text-align: right;">mak [6m]</p>	1 1 1 1 1 1 1 1
(ii)	<p>F1 Peluang untuk menceburi bidang perusahaan</p> <p>H1 Usahawan dapat mendalami selok belok perniagaan dan kemahiran dalam perniagaan.</p> <p>F2 Peluang menggunakan kebolehan/daya cipta/ kreativiti</p> <p>H2 Mmemberi peluang mencabar kebolehan diri dan daya usaha</p> <p>F3 Mewujudkan peluang pekerjaan</p> <p>H3 Mengurangkan kadar pengangguran</p> <p>F4 Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat</p> <p>H4 Mengurangkan pergantungan terhadap barang import.</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 x2m [6m]</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
4.(b)(i)	Francais	[1m]
(ii)	<p>F1 Francaisi mendapat pelbagai bantuan</p> <p>F2 contoh bantuan seperti pengurusan,pemasaran dan pinjaman</p> <p>F3 Francaisi boleh mengeluar,mengedar dan menjual barang</p>	1 1 1 1

	F4 Francaisi perlu membayar royalti kepada francaisor  F5 Francaisor mempunyai hak terhadap barangnya.  F6 Francaisi tidak bebas menjalankan perniagaan  F7 memerlukan modal yang besar	1 1 1 [6m]
		Mana-mana 6x1m
(c)		<i>Milikan Tunggal</i> <i>Perkongsian</i>
	i. Milikan	-dimiliki individu secara persendirian  -Bilangan rakan kongsi antara 2 – 20 orang
	ii. Modal	-sumbangan pemilik sendiri/kawan/bank  -Rakan kongsi sumbang modal ikut kadar.
	iii Pembahagian Untung- Rugi	-semua keuntungan adalah kepunyaannya dan sebaliknya.  -dibahagikan antara rakan kongsi ikut nisbah dipersetujui.
		[6m]

Soalan	Jawapan		Markah	
5(a)	Perbezaan antara milikan perniagaan yang lama dengan yang baru ialah:		1+1 1+1 1+1 1+1 1+1 (mak. 6m)	
	<b>Mega Profit Sdn Bhd</b>			
	H1 Modal kecil kerana bilangan pemegang syer antara 2 – 50 orang	H1 Modal besar kerana bilangan pemegang syer antara 2 hingga tidak terhad		
	H2 Syerna dijual kepada sekumpulan orang persendirian	H2 Syerna dijual kepada orang ramai		
	H3 Syer syarikat sukar dipindah milik kepada orang ramai	H3 Syer syarikat mudah dipindah milik kepada orang ramai		
	H4 Pembentukannya lebih mudah dan murah kerana tidak banyak peraturan	H4 Pembentukannya rumit dan mahal kerana banyak peraturan dan dokumentasi		
	H5 Laporan kewangan syarikat tidak perlu diumumkan kepada orang ramai/ dirahsiakan	H5 Laporan kewangan syarikat perlu diumumkan kepada orang ramai/ tidak dirahsiakan		
Mana-mana 3 x 2m				
5(b) i.	Jumlah dividen tunai yang diterima oleh Encik Wahab ialah:  = RM5 000 x 10/100 = RM500		1 1 (2m)	

b) ii.	Kadar rebat yang diberi oleh koperasi tersebut ialah:  Kadar rebat = <u>RM85 000 - RM25 000</u>  RM120 000  = RM0.50 untuk setiap seringgit	1 1 (2m)
--------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------

5 (c)	<p>Tujuan dasar penswastaan ialah:</p> <p>F1 Mengurangkan perbelanjaan dan menambah hasil kerajaan</p> <p>F2 Meningkatkan kecekapan dan produktiviti</p> <p>F3 Memanfaatkan pengguna</p> <p>F4 Membolehkan orang awam melabur dalam entity yang diswastakan</p>	1 1 1 1
		(4 m)
5 (d)	<p>Bentuk pulangan yang akan diterima oleh Cik Mazura ialah:</p> <p>F1 Dividen</p> <p>H1 keuntungan syarikat yang diagihkan kepada pemegang saham mengikut kadar tertentu</p>	1 1
	<p>F2 Syer bonus</p> <p>H2 syer atau bonus tambahan yang diberikan secara percuma kepada pemilik saham</p>	1 1
	<p>F3 Keuntungan modal</p> <p>H3 mendapat keuntungan apabila menjual saham semasa harga saham meningkat</p>	1 1
		(6 m)

5(e)	<p>Panduan melabur yang dimaksudkan oleh Encik Eddie ialah:</p> <p>F1 Mendapatkan maklumat lengkap tentang bidang pelaburan yang diceburi</p> <p>F2 Mengenalpasti pulangan atas modal</p> <p>F3 Mengenalpasti risiko dalam pelaburan</p> <p>F4 Mengenalpasti jumlah modal yang ada</p> <p>F5 Mengenalpasti sama ada pelaburan bersifat mudah cair atau tidak</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>(5 m)</p>
------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------

Soalan	Butiran	Markah
6(a)	Perniagaan runcit kecil-kecilan	1
6(b)	F1. Lokasi perniagaan H1 -terletak berhampiran pelanggan/taman saujana F2. layanan peribadi H2 -ambil, bungkus dan timbang barang F3. perkhidmatan selepas jualan H3 -menghantar barang ke rumah pelanggan F4. menjual secara kredit H4 -bagi pelanggan tetap/dipercayai sahaja F5. memberi khidmat nasihat dan maklumat pasaran H5 -mengenai kualiti/harga barang F6. menjual pelbagai jenis barang H6 -mengikut kehendak/keperluan pengguna  Mana-mana 4F + 4H x 1m	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (8 markah)

6(c)	F 1. Menjual dengan harga yang murah	1
	H1 -membeli secara pukal terus dari kilang-dapat diskau	1
		1
	F 2. pelanggan mudah membeli	1
	H2 hampir semua barang terdapat disana/pelbagai Jenis barang	1
	F 3. keadaan tempat yang selesa	1
	H3 - penghawa dingin, troli,ruang yang luas,tempat Letak Kereta dll	1
	F 4. harga tetap/tanda harga	1
	H4 -tidak bimbang ditipu/boleh banding harga	1
	F 5. layan diri	1
	H5 -boleh buat pilihan tanpa ganguan jurujual	1
	Mana-mana 4F +4H x 1m	(8 markah)

#### **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**